



Buletin **JAWHAR**

Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji



جَاءَكُم مِّنْ رَّبِّكُمْ بِالْحُقْقَىٰ لَا يُرِيكُمْ
وَمَا أَنْتُمْ بِهِ بِغَافِلِينَ

• PRAGMATIK • RESPONSIF • OBJEKTIF

Bil. 4/2008

ISSN 1985-2029



Majlis Perasmian IZEDP Majlis Menandatangani MoU dan Pelancaran Sistem e-Bayanat dan e-Wakaf

*Menarik
Di Dalam...*



- Amalan Khurafat di Kalangan Jemaah Haji
- International Zakat Executive Development Program (IZEDP)
- Wakaf Tunai : Cara Terbaik untuk Mewakafkan Harta Masa Kini
- Wang Syubhah : Kaedah Pelupusan Menurut Ulama' dan Fatwa Semasa



KATA-KATA ALUAN

Buletin JAWHAR

Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji



SIDANG EDITOR

PENASIHAT:

Dr. Hj. Sohaimi Hj. Mohd Salleh

KETUA EDITOR:

En. Abd. Ghafar bin Yusof

EDITOR:

Pn. Rokhoun Nafsiah binti Hj. Abd.

Rashid

En. Mohd Gunawan bin Che Ab. Aziz

En. Hasan Hafizi bin Hanapi

Cik Siti Yasmin binti Mohamed Basheer

PEMBANTU EDITOR:

Pn. Dayang Suhada binti Md. Yusop

Cik Dahlia binti Ishak

GRAFIK:

Percetakan Nasional Malaysia Berhad

JURUFOTO:

En. Abdul Aziz bin Ahmad

En. Razali bin Maarof

Hakcipta Terpelihara

©JAWHAR 2008

PENAFIAN:

JAWHAR tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang penulisan dan artikel yang disiarkan dan ia juga tidak semestinya mencerminkan pendapat dan pendirian JAWHAR.



KATA-KATA ALUAN KETUA EDITOR BULETIN

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته



Pertamanya, marilah kita bersama-sama mengucapkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T., kerana dengan limpah kurnia dan inayahnya, dapat kita menerbitkan Buletin JAWHAR Bil.4/2008. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W serta seluruh keluarga dan sahabat Baginda yang telah membawa sinar sewaktu manusia berada di dalam kegelapan.

Ke arah usaha mencapai keterbilangan JAWHAR dalam memantapkan tadbir urus terbaik institusi wakaf, zakat, mal dan haji dan meningkatkan taraf sosio ekonomi ummah, warga JAWHAR perlu melintasi halangan mental berhubung tanggapan bahawa keupayaan dan kemampuan kita adalah terhad. Kita perlu mempunyai keyakinan dan berterusan bersikap positif bahawa segala-galanya boleh dilakukan dengan syarat setiap pekerja perlu terus berusaha keras, meninjau faktor-faktor yang membawa kejayaan, mengkaji kelemahan-kelemahan yang ada serta menilai kegagalan-kegagalan lalu untuk mencari di mana salah dan silapnya. Ini memerlukan satu perubahan minda (*mindset*) dan disiplin yang tinggi ke arah pembaharuan dari segi perancangan, strategi, program dan mekanisme pelaksanaan serta pemantauan kejayaan atau kegagalan.

Pada hemat saya, menjelang sambutan tahun baru seperti yang diraikan ini, kita haruslah memanfaatkannya untuk membaiki segala kesilapan. Saya menggariskan empat faktor utama yang dapat meningkatkan prestasi penjawat awam. **Pertama:** Tiada tolak ansur terhadap prestasi perkhidmatan yang rendah (*zero tolerance for sub-standard performance*). Tanggungjawab kita bersama ialah memberi sumbangan terbaik untuk pelanggan dan negara. Memang agak sukar untuk menjelaskan

apakah perkhidmatan yang terbaik, tetapi amat mudah untuk mengenalpasti perkhidmatan yang tidak boleh diterima seperti kerja-kerja yang tertangguh. **Kedua:** Bekerja secara bijak (*work smart*) serta melaksanakannya secara bersungguh-sungguh, tepat dan cepat (*accuracy, timeliness and volume in work*). Kegagalan melaksanakan sesuatu tindakan akan menggagalkan hasrat sebenar ianya diperkenalkan. Kita perlu memberi komitmen kepada ketepatan dan kesegeraan dalam melaksanakan tugas. Pengurusan masa mencerminkan integriti individu dan masa juga menjadi faktor penting dalam menyukat kecekapan dan mutu perkhidmatan. Masa berurusan perlu dikurangkan, sebaliknya prestasi dipertingkatkan. **Ketiga:** Mengutamakan pelanggan (*costumer focused*). Perkhidmatan berorientasikan pelanggan bermakna sistem penyampaian perkhidmatan perlu mantap serta dapat memberikan bantuan dengan bersopan santun dan cepat. **Keempat:** Etika perkhidmatan yang baik (*good public service ethics*). Sebagai penjawat awam, kita mempunyai tanggungjawab menyampaikan perkhidmatan secara beretika sejajar dengan kehendak agama.

Dalam hubungan ini, kita perlulah mengambil langkah-langkah ke hadapan dalam memastikan setiap anggota di Jabatan ini menjadi kumpulan kerja barisan hadapan (*front liners*) yang dapat menonjolkan imej kecemerlangan perkhidmatan awam dan lebih-lebih lagi sebagai sebuah jabatan yang menjalankan aktiviti keagamaan.

Selaras dengan sambutan Ma'al Hijrah dan Tahun Baru 2009, saya yakin dan percaya seluruh warga JAWHAR dapat memahami keempat-empat teras di atas dan mengambil kesempatan ini untuk merealisasikan hasrat menjadi sebuah agensi terbaik di kalangan yang terbaik. Berusahalah.....

Sekian, wassalam.

ABD. GHAFAR BIN YUSOF

DARI MEJA KETUA PENGARAH JAWHAR

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته



Alhamdulillah, saya bersyukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan limpah kurniaNya, diberi kesempatan untuk saya memberi sepatah dua kata dalam Buletin JAWHAR ini.

Terlebih dahulu saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan "Selamat Menyambut Ma'al Hijrah 1430H dan Tahun Baru 2009" kepada semua warga

JAWHAR dan pembaca Buletin JAWHAR Bil. 4/2008. Kita baru sahaja meraikan pelbagai perayaan dan sudah pastilah bercuti rehat, maka sekarang kembali semula bertugas dengan azam dan tekad baru untuk bekerja dengan penuh semangat pada tahun 2009 dalam usaha memberikan perkhidmatan yang lebih baik kepada masyarakat dan Negara kita yang tercinta.

Sambutan Ma'al Hijrah 1430H dan Tahun Baru 2009M membawa makna besar kepada kita iaitu telah berlalulah satu tahun lagi yang pastinya mendewasakan pemikiran, akal dan budi kita semua. Januari 2009 mencatatkan bulan ke-21 saya bersama JAWHAR. Walaupun begitu, prinsip kepimpinan yang saya pegang masih lagi sama. Kata-kata yang diucapkan oleh Sayyidina Abu Bakar semasa diangkat menjadi Khalifah, itulah yang tetap menjadi pegangan saya, "Ikutilah saya selagaimana saya betul, dan tegurlah saya apabila saya salah!". Prinsip ini ditatang sebaik mungkin dengan polisi pintu terbuka saya. Pintu pejabat saya sentiasa mengalu-alukan sesiapa saja untuk datang bertemu saya. Saya amat percaya kepada pengurusan yang berlandaskan komunikasi terbuka dan asertif serta bernuansakan kekeluargaan. Itulah juga sebabnya, saya amat memberikan dokongan dan perhatian kepada MBJ. Bagi saya, MBJ adalah platform paling berkesan untuk saya dan warga JAWHAR berinteraksi secara telus, tulus dan saling menghormati. Sebagaimana di awal kehadiran saya di JAWHAR saya berpegang dengan prinsip ini, maka hari ini juga saya masih berpegang dengan prinsip yang sama. Justeru, saya menyeru kepada setiap warga JAWHAR supaya kita bersama-sama memantapkan budaya ukhuwah serta kesepakatan sesama kita demi kelestarian JAWHAR yang kita kasih ini.

Detik akhir sesuatu tahun pula adalah masa yang sesuai untuk kita menilai segala prestasi dan bermuhasabah tentang apa yang telah kita laksanakan pada tahun tersebut. Dengan membuat penilaian diri, kita boleh mengenal pasti dan mengambil tindakan yang sewajarnya untuk mengatasi segala kelemahan yang ada. Dalam tahun baru ini (2009), kita akan menghadapi cabaran-cabaran baru yang lebih mencabar oleh kerana pelanggan kita sentiasa berharap untuk mendapatkan perkhidmatan yang lebih efisien dan cepat. Saya yakin semua warga JAWHAR akan menjalankan tugas "with a sense of urgency, responsibility and honesty" seperti mana yang sering saya sarankan. Kita patut mematuhi saranan YAB Perdana Menteri serta Y.Bhg. Ketua

Setiausaha Negara untuk meningkatkan perkhidmatan kita dengan mengurangkan birokrasi dalam jabatan.

Pada tahun ini, kita perlu melaksanakan tugas dan tanggungjawab dengan segala daya untuk memenuhi kehendak dan "expectation" pelanggan kita yang semakin meningkat. Semua warga JAWHAR wajar berazam untuk mempertingkatkan lagi prestasi diri dan organisasi demi agama, bangsa dan negara. Kita perlu senantiasa berwaspada dan menjaga penampilan kita sebagai kakitangan awam supaya semua persepsi dan konotasi negatif bertukar kepada positif, khasnya berhubung dengan kualiti perkhidmatan bagi jabatan yang terlibat dalam pentadbiran dan pengurusan hal ehwal agama. Ini hanya dapat menjadi kenyataan jika kita sama-sama melangkah ke hadapan dengan penuh komitmen, keazaman dan disiplin yang tinggi.

Pada masa ini, kita dapat saksikan dan menikmati kemajuan yang dicapai oleh negara ini dengan jaminan keamanan, masyarakat yang harmoni dan mempunyai pembangunan fizikal yang mantap. Perkhidmatan awam pula sesuai dengan tanggungjawabnya menjadi jentera utama yang memacu Malaysia ke arah sebuah negara maju menjelang tahun 2020. Bagi mencapai matlamat tersebut, kejayaan yang sedia ada perlu diurus dengan berkesan. Sementara tatacara dan prosedur kerja wajar dipermudah dan diperkuatkkan dengan nilai-nilai murni yang subur. Dalam Ayat 110, surah al-Imran, Allah berfirman yang bermaksud:

"Adalah kamu sebaik-baik umat, yang dilahirkan bagi manusia, (supaya) kamu menyuruh dengan ma'ruf dan melarang dari yang mungkar, serta beriman kepada Allah."


Dan firman Allah dalam Ayat 143, surah al-Baqarah yang bermaksud;

"Dan demikianlah (sebagaimana Kami telah memimpin kamu ke jalan yang lurus), Kamijadikan kamu (wahai umat Muhammad) umat pilihan lagi adil (tidak melampaui dan keterlaluan) supaya kamu layak menjadi orang yang memberi keterangan kepada manusia dan Rasulullah adalah sumber kebenaran perbuatan kamu."

Sehubungan itu, adalah menjadi impian kita agar kekuatan, keupayaan dan kejayaan yang dikurniakan oleh Allah S.W.T. kepada Malaysia akan berterusan dengan berkat komitmen kita sebagai penjawat awam yang bertanggungjawab serta amanah.

Akhir kalam, saya sekali lagi mengucapkan kepada semua "Selamat Tahun Baru" dan "Selamat Berkhidmat". Fahami serta hayatilah setiap baris senikata lagu "Cemerlang, Gemilang dan Terbilang" yang selalu kita nyanyikan agar halatju kita sentiasa jelas dan kental.

Sekian, terima kasih.


DR. HJ. SOHAIMI HJ. MOHD. SALLEH

AMALAN KHURAFAT DI KALANGAN JEMAAH HAJI

Oleh: Wan Najmiah binti Wan Mohd Ali

PENDAHULUAN

Dalam masyarakat Islam Asia Tenggara masih kedapatan amalan-amalan khurafat di dalam berbagai-bagai lapangan penghidupan. Dalam perniagaan contohnya masih percaya kepada FONG SUI. Dalam pertanian masih percaya kepada semangat padi. Dalam mencari rezeki di lautan masih ada yang percaya kepada gembala-gembala ikan, semangat laut dan berbagai-bagai lagi. Bukan sahaja di dalam rezeki ada berbagai-bagai khurafat, hatta ketika hendak melakukan ibadah kepada Allah s.w.t pun masih diresapi berbagai-bagai khurafat. Antara yang ketara ialah khurafat-khurafat di dalam ibadah haji.

KHURAFAT DI TANAH AIR SEBELUM TIBA DI TANAH SUCI

1. Tidak boleh memijak bendul rumah, kalau dipijak alamat tidak akan balik semula.
2. Sesudah bertolak dari rumah, tidak boleh pandang kembali melihat rumah, kalau dipandang pekerjaan hajinya tidak sempurna, kerana hatinya teringat-ingat ke rumah.
3. Membawa uri, rambut dan kuku bayi untuk ditanam di Tanah Haram supaya anak tersebut menjadi orang ternama dan disukai ramai.
4. Setelah balik nanti mesti berkursti diri di rumah selama 40 hari yang disebut sebagai ibadah haji. Barulah haji itu berkat dan melekat di hati. Kalau melanggar sia-sialah haji.

KHURAFAT DI TANAH SUCI

1. Mesti mencari tiang jin di dalam Masjidil Haram, peluk kuat-kuat boleh memanjangkan umur.
2. Dengan bersembahyang sunat sebanyak-banyaknya secara mengadap tiang jin tersebut boleh membawa balik toyol sebagai khadam.
3. Jin yang dibawa balik dari Mekah adalah jin yang baik.
4. Menampal duit syiling yang siap bergam di bawah pintu Baitullah dan dibawa balik untuk dibuat ibu duit bagi tujuan melariskan perniagaan, mendapatkan jodoh dan memurahkan rezeki.
5. Memungut anak-anak batu di Arafah untuk dibawa balik dengan tujuan jika dicampak ke dalam kolam ikan maka ikan akan menjadi banyak. Jika ditabur di kebun tanaman maka buah-buah akan menjadi. Jika diletak di dalam kedai maka akan laris.
6. Mencuri tali-tali khemah di padang Arafah untuk dijadikan tangkal bagi tujuan pelaris untuk jualan dan memperbanyakkan tangkapan ikan.

7. Membawa balik tanah Arafah untuk upacara memijak tanah, buat pertama kali bagi bayi untuk menghindarkannya dari sebarang penyakit dan gagah berani.
8. Tidak boleh melihat cermin semasa dalam ihram. Jika dilihat muka akan menjadi hodoh dan orang tidak suka melihatnya.
9. Menyapu tiang masjid dan diusap ke muka untuk menambah seri wajah.
10. Mengetuk pintu Masjid dan gelang kuncinya di kawasan sai'e sebagai simbolik kepada mengetuk pintu rezeki. Jika tidak melakukannya rezekinya tertutup buat selama-lamanya.
11. Bersetubuh dengan isteri di dalam Masjidil Haram supaya boleh mendapat anak yang mudah masuk syurga.
12. Orang yang mandul boleh segera mendapat anak jika bersetubuh dengan suaminya di dalam masjid dua kali dari arah penjuru emas sekali kerana kepercayaan penjuru emas itu melambangkan kemaluan nabi Adam dan sekali lagi dari arah yang menghala ke Hajar Aswad kerana Hajar Aswad melambangkan Siti Hawa.
13. Kain ihram perlu dibawa balik dan diwasiatkan bila mati nanti hendaklah dikapankan dengan kain itu bagi menghindari diri dari seksaan kubur.
14. Beli khusus kain putih yang hendak dijadikan kapan dan basuh dahulu dengan air zam-zam di Mekah, disimpan dan diwasiatkan untuk dijadikan kain kapan dengannya. Mungkar Nangkir tidak berani memukul badan yang dibalut dengan kain tersebut.
15. Kalau berlaku hujan maka mandilah di bawah curahan air dari pancuran emas agar sembah segala penyakit dan tidak akan terkena penyakit hawar.
16. Tiang-tiang masjid boleh dibeli untuk diwakafkan sekiranya ada orang yang menawarkannya maka jangan disoal banyak, beli sahaja akan menjadikan masuk syurga.
17. Mencabut bulu penyapu Masjidil Haram dan Masjidil Nabawi di tangan tukang sapu untuk menjadi terkenal dan disukai ramai.
18. Menyimpan kerak nasi di Mina untuk dibawa balik sebagai pelaris jualan.
19. Membawa kismis semasa tawaf untuk direndam dengan air zam-zam supaya menjadi penerang hati.

PUNCA AMALAN-AMALAN TERCELA DAN TERPAUTNYA SESEORANG KEPADA AMALAN KHURAFAT

Di antara punca-puncanya adalah seperti berikut:

1. Tidak memenuhi asas yang kukuh di dalam pengetahuan agama di mana ia mudah menerima perkara-perkara yang dianggap menarik baginya.
2. Mempelajari dari guru-guru atau ketua-ketua yang tidak bertanggungjawab.
3. Terikut-ikut dengan amalan jemaah haji lain kerana menyangka amalan itu adalah amalan yang betul.
4. Sudah terbiasa melayani nafsu amarah.

CARA-CARA MENGHINDARINYA

1. Bakal-bakal haji hendaklah mempelajari hukum-hukum agama sebelum menunaikan haji.
2. Jangan mudah terikut-ikut dengan amalan jemaah haji lain yang tidak diketahui puncanya.
3. Sebarang amalan yang diterima daripada orang yang walaupun diakui keilmuannya tetapi jika

diragui hendaklah dipastikan terlebih dahulu dari orang lain yang lebih berwibawa.

4. Bertakwalah kepada Allah s.w.t dengan sebenar-benar takwa.
5. Tunailah haji semata-mata kerana Allah s.w.t.
6. Tanah Suci Mekah bukanlah tempat berehat atau tempat meluahkan rasa marah dengan sewenang-wenangnya.
7. Perlu diingatkan bahawa di dalam pekerjaan haji mesti ditempuh berbagai-bagai dugaan Allah s.w.t yang perlu diterima dengan sabar.

PENUTUP

Hanya ilmu pengetahuan menjadi perisai umat Islam dari diserapi gejala-gejala tidak sihat seperti khurafat dan sebagainya. Pengetahuan tentang ibadat Haji adalah pengetahuan fardhu ain yang sepatutnya diketahui oleh masyarakat umum. Perlu dipelajari dengan cara yang betul dan berkesan, agar dengan ilmu yang mantap itu, setiap yang pergi menunaikan haji benar-benar mengetahui mengapa ibadat itu diwajibkan.

Majlis Perasmian IZEDP

15 Disember 2008



Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji telah menganjurkan program International Zakat Executive Development Programme (IZEDP) yang berlangsung dari 15 – 26 Disember 2008 bertempat di Institut Latihan Islam Malaysia, Bandar Baru Bangi, Selangor. Perasmian program tersebut telah disempurnakan oleh YB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi, Menteri di Jabatan Perdana Menteri di Auditorium ILIM jam 2.30 petang.

Program ini adalah bertujuan untuk menjelaskan konsep, teori dan falsafah zakat dari sudut sejarah dan feqah; meningkatkan daya kemahiran peserta dalam sistem pengurusan zakat; meningkatkan pendedahan potensi zakat untuk dikembangkan seiring kemajuan global; memberikan pendedahan mengenai peranan dan kepentingan teknologi dalam organisasi zakat; memajukan peranan pemasaran ke arah membentuk institusi zakat yang mampan; dan memberikan ruang kepada peserta berbilang negara untuk berkongsi idea, pengalaman dan pengetahuan dalam pengurusan zakat.

Penyertaan program IZEDP terdiri daripada wakil dari negara-negara OIC seperti Arab Saudi, Pakistan, Oman, Mesir, Bangladesh, Indonesia, Thailand, Brunei, Sudan dan Wakil dari Majlis Agama Islam Negeri dan Agensi Mengurus Zakat seperti Lembaga Zakat Selangor (LZS) dan Pusat Pungutan Zakat (PPZ).



MAKLUMAT

Penganjuran IZEDP juga adalah usahasama dari Islamic Development Bank (IDB), Economic Planning Unit (EPU), ILIM, Institut Kajian Zakat (IkaZ-UiTM), Pusat Pungutan Zakat – MAIWP dan Lembaga Zakat Selangor (LZS).

Turut hadir pada majlis perasmian tersebut adalah Ketua Pengarah Jabatan Islam Malaysia, Duta-duta negara OIC dan ketua-ketua Jabatan dibawah agensi-agensi Islam.



WAKAF TUNAI : CARA TERBAIK UNTUK MEWAKAFFKAN HARTA MASA KINI

Mohd Bakri bin Ibrahim

Wakaf sebagaimana yang diketahui umum, adalah satu bentuk kebajikan yang unik terdapat dalam ajaran Islam. Kerana ia merupakan ibadah yang menggabungkan aspek rohaniyyah dan madiyyah. Lebih istimewa lagi orang yang mewakafkan hartanya memperolehi ganjaran daripada Allah S.W.T, secara berpanjangan walaupun sesudah meninggal dunia, asalkan harta yang diwakafkan dinikmati manfaatnya oleh masyarakat umum.

Dr. Murat Cizakca dalam tulisannya yang bertajuk *A History of Philanthropic Foundations : The Islamic World From The Seventh Centery To The Present* mengatakan bahawa zaman pemerintahan Othmaniah di Turki dahulu amalan wakaf tunai berjaya meringankan perbelanjaan kerajaan dalam menyediakan kemudahan perkhidmatan pendidikan, kesihatan, perbandaran dan sebagainya kepada masyarakat. Pada masa tersebut sumbangan sukarela yang diterima daripada insan yang bermurah hati disalurkan untuk membiayai pelbagai perancangan yang boleh memberi manfaat kepada masyarakat sejagat.

Menurut beliau, secara logiknya, amalan wakaf tunai yang dahulunya dikenali sebagai *waqf al-Naqd* atau *al-Darahim*, jika diamalkan pada masa kini, ia juga mampu memainkan peranan yang sama sebagaimana yang berlaku pada zaman Othmaniah dan mampu menzahirkan matlamat makroekonomi moden, iaitu untuk menurunkan perbelanjaan kerajaan, mengecilkan defisit belanjawan Negara dan seterusnya mengurangkan pergantungan kerajaan kepada instrumen hutang atau pinjaman sebagai sumber pembiayaan projek pembangunan.

Akan tetapi di negara kita Malaysia, instrumen wakaf dilihat sebagai satu bentuk kebajikan yang hanya terhad kepada harta tak alih sahaja seperti tanah, bangunan, rumah dan sebagainya. Oleh kerana keterbatasan persepsi yang ada, maka harta yang diwakafkan itu tidak memberi manfaat sepertimana yang dikehendaki. Ini dapat dilihat melalui keskes tanah terbiar yang tidak dapat dibangunkan atas sebab ianya tidak ekonomik, terlalu kecil saiznya, lokasinya tidak strategik dan tidak mempunyai potensi untuk dimajukan. Selain itu, masalah untuk mendapat sumber pembiayaan juga dikenalpasti sebagai punca yang menyebabkan tanah-tanah wakaf tidak dapat dimajukan.

Selain itu, wang tunai mudah diuruskan berbanding harta tetap seperti tanah dan sebagainya. Oleh kerana bentuknya yang mudah alih faedahnya boleh dipelbagaikan. Selain itu juga boleh digunakan untuk membiayai projek-projek pembangunan, dan boleh dikembangkan lagi dengan cara melabur di tempat yang diharuskan oleh syarak. Pulangan daripada pelaburan tadi, boleh digunakan untuk projek-projek berkepentingan umum.

Pendekatan ini boleh digerakkan oleh setiap lapisan masyarakat, lebih-lebih lagi pandangan ulama' yang *rajih* (kuat) mengharuskan pelaksanaan wakaf tunai bersandarkan konsep ISTIBDAL dalam peranan wakaf. Jika semua umat Islam di Malaysia bersungguh-sungguh serta menggarapkan usaha murni ini, maka akan lahir institusi-institusi pendidikan tinggi dan berbagai-bagai tempat kemudahan awam dapat disediakan melalui dana wakaf tunai.

WANG SYUBAH: Kaedah Pelupusan Menurut Ulama' dan Fatwa Semasa

Oleh: Murid Fadzli bin Musa

Dewasa ini, umat Islam di negara kita dan juga di serata dunia sedang berhadapan dengan satu masalah yang amat sukar untuk dielakkan, iaitu keterlibatan dengan wang atau harta yang diperoleh melalui sumber yang syubhah atau haram. Perkara ini antaranya berpunca daripada keleluasaan transaksi-transaksi yang tidak patuh syariah di kebanyakan institusi-institusi kewangan seperti simpanan dan pinjaman bank, skim perlindungan insurans, pajak gadai dan lain-lain akad yang diamalkan secara batil di institusi-institusi kewangan konvensional pada hari ini.

Didapati bahawa sebahagian daripada masyarakat Islam pada hari ini kebuntuan dalam mencari penyelesaian kepada saki baki wang syubhah yang dimiliki oleh mereka. Ada di kalangan mereka yang mengambil mudah dalam hal ini seperti menggunakan wang tersebut untuk kegunaan sendiri atau keluarga, atas alasan perkara ini sudah menjadi lumrah dan tidak dapat dielakkan. Tidak kurang juga ada yang membiarkannya begitu sahaja atau meninggalkan wang tersebut di bank atas anggapan ia tidak boleh dimanfaatkan secara mutlak dan hendaklah ditinggalkan sahaja di dalam bank tersebut.

Sedangkan mengikut Islam, wang atau harta yang diperoleh melalui sumber haram adalah tidak dibenarkan sama sekali untuk dimanfaatkan untuk kegunaan sendiri atau keluarga, atau lebih-lebih lagi meninggakkannya di institusi-institusi terbabit. Sebaliknya ia hendaklah dilupus atau dijernihkan menurut kaedah yang telah ditetapkan oleh syarak seperti mana yang akan dibincangkan di bawah nanti.

Wang syubhah secara mudahnya bolehlah ditakrifkan sebagai wang yang tidak dapat dikenal pasti statusnya sama ada halal atau haram. Perkataan "syubhah" itu sendiri berasal daripada perkataan bahasa Arab yang bererti "samar" atau "tidak jelas". Dr. Yusuf al-Qaradawi dalam kitabnya "Halal dan Haram dalam Islam" telah mendefinisikan perkara syubhah ini sebagai suatu perenggan di tengah-tengah halal yang terang dan haram yang jelas yang masih samar-samar dan mengelirukan manusia, yakni masih samar-samar sama ada ia halal ataupun haram.

Beliau menjelaskan bahawa agama Islam telah membuat ketetapan bahawa umat Islam hendaklah meninggalkan perkara-perkara yang syubhah ini bagi mengelakkan diri daripada terjerumus kepada perkara-perkara yang memang nyata haramnya. Ini termasuk dalam kaedah *saddul-zara'i* iaitu menutup pintu-pintu kerosakan. Dalam perkara ini, Rasulullah S.A.W. telah bersabda yang bermaksud: "Yang halal itu sudah jelas, dan yang haram pun sudah jelas. Dan di antara kedua-duanya itu ada beberapa perkara yang masih samar-samar (syubhah)." (Hadith riwayat Imam Bukhari, Muslim dan Tirmizi)

KAEDAH PELUPUSAN WANG SYUBAH DALAM ISLAM

Terdapat khilaf di kalangan ulama' berkenaan dengan kaedah pelupusan wang syubhah atau haram mengikut syarak. Antaranya adalah pandangan sesetengah ulama' salaf yang berpendapat bahawa wang atau harta yang berasal dari sumber haram tidak boleh disucikan atau dibersihkan, dan hendaklah dimusnah atau dibinasakan begitu sahaja. Ada ulama' yang berpandangan bahawa ia boleh dimanfaatkan bagi tujuan maslahat umum termasuk diberikan kepada golongan fakir dan miskin. Sebaliknya ada sebahagian ulama' yang berpandangan bahawa tidak wajar ia digunakan untuk perkara-perkara kebajikan lebih-lebih lagi

diberikan kepada fakir miskin kerana ia berasal dari sumber yang haram dan tidak baik.

Dr. Yusuf al-Qaradawi dalam kitabnya "Fatwa Mu'asirah" menjelaskan bahawa wang-wang faedah ini selain ia haram untuk dimanfaatkan oleh umat Islam, ia juga haram untuk ditinggalkan begitu sahaja di bank-bank riba. Perbuatan tersebut akan memperkuatkan lagi bank-bank tersebut dan sama seperti menolong bank-bank riba yang akan turut menggunakan wang-wang faedah yang ditinggalkan itu untuk tujuan-tujuan yang bertentangan dengan syarak. Tindakan ini tergolong dalam membantu perkara-perkara maksiat, sedangkan membantu dalam perkara yang haram hukumnya adalah haram!

Beliau berpandangan bahawa apa yang disyariatkan adalah wang-wang faedah tersebut begitu juga dengan harta-harta lain dari sumber yang haram hendaklah dibelanjakan kepada perkara-perkara kebajikan seperti membantu golongan fakir dan miskin, anak-anak yatim, musafir, jihad di jalan Allah, membantu perkembangan dakwah Islam, pembinaan masjid dan pusat-pusat Islam, penyediaan para pendakwah, penerbitan kitab-kitab agama dan seumpamanya daripada perkara-perkara yang bersifat kebajikan.

Dalam hal ini juga, Keputusan Fatwa Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kali Ke-3, Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam bertarikh 21 Januari 1971 telah menetapkan bahawa: "Faedah yang diperolehi daripada wang simpanan yang dibuat oleh institusi Islam atau perniagaan atau badan kebajikan yang dianggotai oleh orang-orang Islam dalam mana-mana bank harus diterima oleh badan-badan itu atas alasan kecemasan ekonomi orang-orang Islam pada masa ini" dan "Faedah yang diperolehi daripada wang simpanan seseorang muslim dalam mana-mana bank harus diterima olehnya atas alasan kerana kecemasan itu juga, tetapi wang faedah itu hendaklah dimasukkan dalam Baitulmal atau untuk kegunaan muslihat umum." Keputusan Fatwa Negeri Pulau Pinang juga telah menetapkan bahawa wang faedah/riba boleh digunakan untuk keperluan umat Islam dengan menyerahkannya kepada Baitulmal, dan semua wang syubhah atau haram yang diserahkan kepada Baitulmal adalah dianggap satu dan bersih.

Kesimpulannya, menjadi tanggung jawab setiap umat Islam untuk menjauhkan diri dari perkara-perkara syubhah demi menjaga diri daripada melakukan perkara-perkara yang haram. Dengan tumbuhnya pelbagai institusi kewangan Islam pada hari ini seperti bank-bank Islam, syarikat-syarikat pajak gadai Islam (*al-rahnu*), syarikat-syarikat insurans Islam (*takaful*) dan sebagainya, maka menjadi kewajipan umat Islam untuk menggunakan alternatif-alternatif tersebut yang selari dengan syarak bagi menggantikan institusi-institusi kewangan konvensional yang mengamalkan riba'.

Sekiranya keterlibatan dengan wang syubhah atau haram ini tidak dapat dielakkan, maka hasil-hasil daripada aktiviti syubhah atau haram tersebut hendaklah dilupuskan sewajarnya berlandaskan syarak seperti menyulurkannya kepada Baitulmal untuk disalurkan bagi tujuan maslahat umat Islam. Sikap mengambil mudah tentang perkara ini akan membawa kemudarat kepada umat Islam sendiri, kerana tabiat ini akan memperkuat dan memanjangkan lagi jangka hayat sistem ekonomi konvensional sedia ada, dan seterusnya membantutkan sistem kewangan Islam daripada berkembang kerana tidak mendapat sokongan daripada umat Islam sendiri.



Hari Bersama KP dan Jamuan Berbuka Puasa
JAWHAR (19 September 2008)



Hari Bersama KP dan Jamuan Hari Raya
JAWHAR (10 Oktober 2008)





Seminar Zakat Sempena Bulan Zakat Kebangsaan 2008 29 Ogos 2008

Seminar sempena Bulan Zakat Kebangsaan 2008 telah diadakan pada 28 Ogos 2008 yang lalu bertempat di Auditorium EA, Kompleks E, Putrajaya. Seminar ini telah berjaya menarik penyertaan lebih dari 300 orang kakitangan kerajaan di sekitar Putrajaya.

Seminar yang telah diadakan dengan konsep pembentangan kertas kerja dan juga sesi soal jawab telah dijayakan oleh dua orang panel iaitu Y. Bhg. Prof. Dato' Dr. Mahmood Zuhdi bin Ab. Majid dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia(UIAM) dengan tajuk “Zakat Pendapatan : Satu Kewajipan atau Pilihan” dan Y.Bhg. Prof. Madya Dr. Ariffin bin Md. Salleh dari Institut Kajian Zakat (IKAZ), UiTM dengan tajuk “Kefardhuan Zakat dan Kewajipan Cukai : Penghayatan dan Komitmen”.

Y.Bhg. En. Ab. Rahim bin Zakaria, Pengarah Bahagian Zakat yang mewakili Ketua Pengarah JAWHAR telah menyampaikan ucapan aluan sebelum seminar diadakan. Dalam ucapan aluannya beliau memaklumkan bahawa Seminar yang diadakan ini merupakan satu proses untuk memberi kefahaman kepada masyarakat tentang isu-isu yang berkaitan dengan Zakat dan kewajipan dalam berzakat.

Seminar ini diadakan bersempena dengan Sambutan Bulan Zakat Kebangsaan 2008 yang pertama kali diadakan. InsyaAllah ianya akan diteruskan pada tahun-tahun yang akan datang.



Lawatan Perkongsian Maklumat 5S 11 September 2008

Seramai 30 orang guru serta kakitangan Sekolah Menengah Kebangsaan Bandar Baru Salak Tinggi (SMK Salak Tinggi) yang diketuai oleh Pengetua sekolah, Tuan Haji Mus Kamal telah membuat lawatan bagi meninjau pengalaman melaksanakan Amalan 5S di Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR), Jabatan Perdana Menteri (JPM). Rombongan ini adalah yang julung-julung kalinya diterima oleh JAWHAR bagi melihat Amalan 5S di sini setelah JAWHAR berjaya mendapat pensijilan 5S dari pihak Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) pada 18 Julai 2008 yang lalu.

Lawatan tersebut telah dimulakan dengan sesi taklimat, di mana, dua taklimat ringkas telah disampaikan yang antara lain menerangkan serba sedikit tentang latar belakang JAWHAR dan pengamalan Amalan 5S di sini. Majlis tersebut telah diteruskan dengan sesi soal jawab serta perkongsian maklumat antara guru-guru serta kakitangan SMK Salak Tinggi dengan ketua-ketua zon Amalan 5S JAWHAR. Acara bertukar cenderahati tanda penghargaan tetamu yang hadir telah berlangsung di antara pihak Pengetua sekolah dan pihak JAWHAR.



Pelancaran Sistem e-Bayanat dan e-Wakaf 20 Oktober 2008



YB. Dato' Seri Dr. Zahid Hamidi, Menteri di Jabatan Perdana Menteri telah melancarkan sistem e-Bayanat dan e-Wakaf, iaitu pangkalan data dan maklumat bersepadu berkaitan institusi wakaf di seluruh negara.

Beliau berkata sistem itu membolehkan orang ramai mendapat maklumat terperinci dan terkini pembangunan institusi wakaf setiap negeri. e-Wakaf juga membantu mempercepatkan pembangunan 9,947 hektar tanah wakaf di seluruh negara yang setakat ini hanya 0.72 peratus dimajukan.

"Maklumat e-Wakaf membolehkan kita mengetahui lokasi, nilai, individu yang memberi wakaf dan status pembangunan hartaanah wakaf di negeri dan daerah. Sistem ini membolehkan maklumat wakaf diintegrasikan dengan berkesan dan berupaya memberi gambaran menyeluruh pada peringkat nasional," kata beliau pada sidang media selepas melancarkan e-Bayanat dan e-Wakaf.

Sistem e-Bayanat memaparkan rekod maklumat dan statistik terkini berkaitan wakaf, zakat dan haji dalam bentuk graf bar, carta pai, graf perbandaran. e-Wakaf pula mempunyai empat subsistem iaitu Portal Pengurusan Maklumat Wakaf (PPMW), Sistem Pengurusan Maklumat Wakaf (SPMW), Sistem Antara Muka Maklumat Wakaf (SAMW) dan Pusat Data Wakaf (PDW). Kedua-dua sistem itu boleh diakses menerusi laman web JAWHAR iaitu www.jawhar.gov.my.

Sebagai perintis JAWHAR bekerjasama dengan Majlis Agama Islam Negeri Sembilan, Majlis Agama Islam Pulau Pinang, Majlis Agama Islam Melaka dan Majlis Agama Islam Kelantan bagi melaksanakan e-Wakaf.

"Kita harap Majlis Agama Islam lain akan bekerjasama dengan JAWHAR bagi memastikan kelangsungan dan maklumat terkini institusi wakaf," kata beliau.

JAWHAR INTELLECTUAL DISCOURSE BIL. 4/2008

TEMA : Wakaf : Peranan dan Potensi di Era Kontemporari

19 September 2008



JAWHAR sekali lagi mengadakan program JAWHAR Intellectual Discourse bertempat di Dewan Auditorium EA, Parcel E, Putrajaya pada 19 September 2008. Program pada kali ini adalah siri keempat bagi tahun 2008.



Program ini yang bertemakan Wakaf : Peranan dan Potensi di Era Kontemporari. Dua orang penceramah telah diundang khas bagi membentangkan kertas kerja masing-masing iaitu Y. Bhg.

Prof. Madya Dr. Ahmad Zaki bin Abdul Latif yang telah membentangkan kertas kerja bertajuk “Pengurusan wakaf dan potensi dalam pembangunan pendidikan umat Islam di Malaysia” manakala seorang lagi penceramah ialah Y.Bhg. Prof. Madya Dr. Mashitoh binti Mahamood. Beliau telah membentangkan kertas kerja bertajuk “Wakaf tunai, perspektif syariah dan pelaksanaan di era kontemporari”.

JAWHAR Intellectual Discourse Siri 4/2008 telah dihadiri oleh seramai 150 orang peserta yang terdiri daripada kakitangan dan pegawai-pegawai kerajaan sekitar Putrajaya. Majlis bermula pada pukul 9.30 pagi dengan ketibaan tetamu jemputan, seterusnya bacaan doa dan ucapan perasmian oleh Y. Bhg. Dr. Sohaimi Hj. Mohd. Salleh, Ketua Pengarah JAWHAR.

Sesi pembentangan kertas kerja dimulakan pada pukul 10.00 pagi oleh Y. Bhg. Prof. Madya Dr. Ahmad Zaki bin Abdul Latif diikuti dengan pembentangan oleh Y.Bhg. Prof. Madya Dr. Mashitoh binti Mahamood pada pukul 11.15 pagi. Majlis berakhir pada pukul 1.00 tengah hari.



JAWHAR INTELLECTUAL DISCOURSE Bil.5/2008

Tema : Ibadah Haji: Perjalanan Menuju Kesempurnaan Hidup

30 Oktober 2008

JAWHAR sekali lagi mengadakan program JAWHAR Intellectual Discourse bertempat di Dewan Auditorium EA, Parcel E, Putrajaya pada 29 Oktober 2008. Program pada kali ini adalah siri kelima bagi tahun 2008.

Program ini yang bertemakan Ibadah Haji: Perjalanan Menuju Kesempurnaan Hidup diadakan bersempena dengan bulan haji yang bakal tiba. Dua orang penceramah telah diundang khas bagi membentangkan kertas kerja masing-masing iaitu Y. Bhg. Dato' Haji Md. Daud bin Che Ngah, Pengurus Eksekutif, Andalusia Travel & Tours Sdn Bhd. yang telah membentangkan kertas kerja bertajuk Ibadah Haji: Antara Sunah, Kongkongan Tradisi dan Khurafat manakala seorang lagi penceramah ialah Y.Bhg. Datuk Hj. Kamal bin Haji Muhamad, Pengarah Urusan Pena Gemilang Sdn. Bhd. Beliau telah membentangkan kertas kerja bertajuk Haji Mabrur : Antara Harapan dan Cabaran.



JAWHAR Intellectual Discourse Siri 5/2008 telah dihadiri oleh seramai 180 orang peserta yang terdiri daripada kakitangan dan pegawai-pegawai kerajaan sekitar Putrajaya serta kakitangan akademik dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia. Majlis bermula pada pukul 9.30 pagi dengan ketibaan tetamu jemputan, seterusnya bacaan doa dan ucapan perasmian oleh Y.Brs. En.Abd. Ghafar bin Yusof, Timbalan Ketua Pengarah, JAWHAR.

Pertandingan Bowling 8 November 2008

Pertandingan ini juga adalah anjuran bersama antara Biro Sukan KK SJ dan Puspanita JAWHAR yang telah di adakan di ARL Power Bowl Alamanda. Pertandingan ini telah mencatatkan penyertaan yang agak menggalakkan daripada warga JAWHAR. Berikut adalah keputusan pertandingan bowling tersebut:

Berkumpulan

Johan	:	Pasukan Al-Falah
Naib Johan	:	Pasukan Dokumentari Infaq 2
Ketiga	:	Pasukan Wakaf Musytarak

Perseorangan

Lelaki	:	En. Riduan bin Hussin
Wanita	:	Cik Rohainun binti Rasdi



Pemenang tempat pertama berkumpulan Pasukan Al Falah.



Timbalan Ketua Pengarah JAWHAR menyampaikan hadiah kepada pemenang.



Pemain veteran JAWHAR Encik Shariff bin Ali dengan gayanya yang tersendiri.



Lawatan Kerja ke IBFIM 12 November 2008

Satu lawatan kerja yang juga merupakan kunjungan balas ke Islamic Banking and Finance Institute Malaysia Sdn. Bhd. (IBFIM) telah dilaksanakan pada 12 November 2008. Menerusi lawatan kerja ini, JAWHAR diperkenalkan dengan dekat berkaitan latar belakang IBFIM yang merupakan badan penasihat syariah kepada beberapa buah anak syarikat / subsidiari bank yang menguruskan dana saham amanah. JAWHAR turut di bawa melawat ke Knowledge Management Centre atau perpustakaan IBFIM yang lengkap dengan pelbagai buku rujukan ilmiah berkaitan perundangan, ekonomi, perbankan, perakaunan, takaful, pengurusan, perancangan kewangan serta pasaran modal dari seluruh dunia. Selaras dengan matlamat JAWHAR yang ingin menghasilkan para ulul albab yang bijaksana dan tinggi ilmu pengetahuannya, maka kerjasama yang erat dengan IBFIM amat bertepatan kerana kepakaran yang dimiliki oleh IBFIM dalam bidang kewangan Islam ini.

Lawatan Panel Penilai Keceriaan Pejabat 14 November 2008

S eramai dua orang panel penilai bagi pertandingan keceriaan pejabat serta seorang urusetia telah menziarahi JAWHAR. Y. Brs. Timbalan Ketua Pengarah (TKP) JAWHAR, En. Abd. Ghafar bin Yusof telah menyampaikan ucapan aluan kepada panel penilai. Antara lain panel penilai telah dimaklumkan bahawa JAWHAR telah memperolehi Pensijilan Amalan 5S (Persekutaran Berkualiti) dari Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) dan Pensijilan MS ISO 9001:2000 dari SIRIM Berhad pada bulan Julai 2008. Ucapan balas telah disampaikan oleh ketua panel penilai yang memaklumkan bahawa penilaian yang dibuat merangkumi 80 peratus penilaian fizikal (menerusi pengamatan terus) dan 20 peratus tentang perkara-perkara lain.

Panel penilai seterusnya telah ditayangkan dengan video korporat JAWHAR yang menerangkan secara ringkas latar belakang, objektif, visi, misi dan serba sedikit perihal perkembangan JAWHAR. Sesi tayangan video ini telah disusuli dengan taklimat ringkas yang telah disampaikan oleh Y. Brs. TKP JAWHAR merangkumi penjelasan yang lebih terperinci tentang fungsi-fungsi JAWHAR serta program-program yang sedang dan akan dilaksanakan. Panel penilai serta urusetia pertandingan keceriaan pejabat telah menerima cenderahati JAWHAR yang berupa siri Manual Pengurusan terbitan JAWHAR bagi tahun 2008. Selepas selesai menikmati juadah ringkas yang disediakan oleh JAWHAR, panel penilai telah dibawa melawat JAWHAR bagi melihat sendiri suasana ceria di JAWHAR setelah mendapat Pensijilan Amalan 5S. Semasa sesi lawatan diadakan panel penilai dan pihak JAWHAR telah sempat bertukar-tukar maklumat dan pandangan. Input serta maklumat bagi setiap zon telah disampaikan oleh Ketua Zon masing-masing. JAWHAR mengucapkan terima kasih kepada Panel Penilai serta urusetia pertandingan keceriaan Hari Kualiti JPM di atas kesudian untuk datang menziarahi JAWHAR.



Lawatan Panel Penilai Pejabat Terbaik 27 November 2008



S eramai tiga orang panel penilai Hari Kualiti JPM serta seorang urus setia bagi kategori Pejabat Terbaik telah mengadakan sesi lawatan dan penilaian ke JAWHAR. Panel penilai tersebut diketuai oleh Y.Bhg. Dato' Ahmad Mustafa bin Abd. Rashid dari Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA). Y. Brs. Timbalan Ketua Pengarah (TKP) JAWHAR, En. Abd. Ghafar bin Yusof telah memaklumkan tentang pencapaian JAWHAR dari awal tahun 2008 hingga ke hari ini seperti Pensijilan Amalan 5S (Persekutaran Berkualiti) dari Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) dan Pensijilan MS ISO 9001:2000 dari SIRIM Berhad pada bulan Julai 2008. Ucapan balas telah disampaikan oleh Y.Bhg. Dato' Ahmad Mustafa bin Abd. Rashid selaku Ketua Panel Penilai mengesyorkan agar JAWHAR sebagai penyandang gelaran johan pada tahun lepas dapat meningkatkan usaha penambahbaikan dan mewujudkan keunikan tersendiri bagi mengekalkan gelaran tersebut. Beliau memaklumkan bahawa penilaian adalah berdasarkan kepada reputasi hubungan JAWHAR dengan pelanggan yang terdiri daripada agensi-agensi yang terlibat dengan bidang tugas JAWHAR.

JAWHAR juga telah mewujudkan pelbagai sistem seperti SISCAR, SISRES, SISMEET, e-Wakaf, e-Bayanat 18 Arahan Pentadbiran yang telah dikeluarkan yang membuktikan bahawa JAWHAR sentiasa lestari dengan perkembangan semasa dan sentiasa ke hadapan.

Para panel penilai pertandingan Pejabat Terbaik telah menerima cenderahati JAWHAR yang berupa siri Manual Pengurusan terbitan JAWHAR bagi tahun 2008. Mereka kemudiannya telah dibawa melawat JAWHAR bagi melihat sendiri suasana di JAWHAR setelah mendapat Pensijilan Amalan 5S. JAWHAR mengucapkan terima kasih kepada panel penilai Hari Kualiti JPM di atas pandangan dan nasihat mereka sewaktu melakukan penilaian.

Pertandingan Ping-pong 29 November 2008

Satu pertandingan dalaman telah dianjurkan oleh Biro Sukan KKSJ dengan kerjasama Puspanita JAWHAR. Pertandingan ini diadakan pada 29 November 2008, bertempat di Dataran Wakaf. Sebanyak dua kategori telah dipertandingkan iaitu kategori perseorangan dan kategori beregu. Berikut adalah keputusan pertandingan tersebut:

Kategori Perseorangan

Johan	:	En. Zainuddin bin Abdul Samad
Naib Johan	:	En. Riduan bin Hussin
Ketiga	:	En. Mohd Sharif bin Ali

Kategori Beregu

Johan	:	En. Zainuddin bin Abdul Samad & Abdul Aziz bin Ahmad
Naib Johan	:	En. Mohd Sharif bin Ali & En. Mohd Bokhari bin Mat Doa (YWM)
Ketiga	:	En. Hasan Hafizi bin Hanapi & Cik Siti Patimah binti Ali



Antara aksi menarik dalam acara perseorangan.



Pasangan beregu JAWHAR terdiri daripada Encik Zainuddin bin Abdul Samad dan Encik Muhammad Suardi bin Shafien.

Selain pertandingan dalaman tersebut dua perlawanan persahabatan antara pasukan ping pong JAWHAR dan Kelab Ping Pong SPR Wilayah Persekutuan serta Pasukan Ping Pong IKTBN Sepang. Perlawanan menentang Kelab Sukan SPR diadakan di Dataran Wakaf JAWHAR manakala perlawanan persahabatan menentang Pasukan Ping Pong IKTBN diadakan di Sepang. Selain daripada itu, beberapa siri pemilihan telah diadakan bagi menentukan barisan pemain yang akan mewakili JAWHAR dalam perlawanan persahabatan tersebut.



Pasangan beregu wanita JAWHAR yang terdiri daripada Cik Zariena binti Abdullah dan Cik Saradilla binti Sairan dalam perlawanan di IKTBN Sepang.

Sijil JOHAN Pejabat Terbaik (Kategori B) Dan NAIB JOHAN Keceriaan Pejabat (Kategori B) Jabatan Perdana Menteri 2008

